

Banjir: 467 penduduk dua negeri dipindah

Stesen kereta api, dewan jadi penempatan sementara

Oleh Abdul Halim Yusoff
dan Norliza Wasilan
edisimingguan@bharian.com.my

RANTAU PANJANG: Seramai 427 penduduk dari 113 keluarga sekitar pekan ini dipindahkan ke pusat pemindahan banjir di Stesen Keretapi Panjang, semalam.

Berdasarkan portal rasmi e-Banjir Negeri Kelantan, mereka membabitkan penduduk dari Kampung Kedai Lama merangkumi 109 lelaki, perempuan (130), kanak-kanak lelaki (98) dan kanak-kanak perempuan (90), manakala penempatan lain yang terjejas ialah Kampung Kerdap, Kampung Gergaji, Kampung Telaga Emas dan Kampung Lubok Setol.

Sehingga petang semalam, hanya satu pusat pemindahan iaitu di Stesen Keretapi Panjang dibuka di negeri ini untuk membantu mangsa banjir. Tinjauan mendapati penduduk Kampung Kedai Lama mula berpindah sejak malam kelmarin selepas rumah mereka dinaiki banjir kira-kira 0.5 meter.

Penduduk, Sapinah Omar, 42, berkata beliau bersama keluarganya termasuk empat anak berusia antara lapan hingga 20 tahun berpindah ke pusat pemindahan selepas rumahnya dinaiki air

akibat hujan lebat sejak beberapa hari lalu dan hanya berjaya menyelamatkan dokumen penting serta kelengkapan persekolahan anak.

Suri rumah, Saliha Ramli, 39, berkata mereka sudah biasa dengan bencana alam berkenaan dan terpaksa berpindah ke pusat pemindahan walaupun bersesak dengan ramai mangsa lain.

Di **KUALA TERENGGANU**, seramai 40 orang daripada lapan keluarga di Kampung Cacar, Paka, Dungun, masih ditempatkan di pusat pemindahan Dewan Serbaguna Kampung Cacar selepas rumah mereka dinaiki air berikutan hujan lebat berterusan sejak Khamis lalu.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir, Majlis Keselamatan Negara (MKN) Terengganu, berkata beberapa kampung di sekitar kawasan itu termasuk Padang Serai, Jalan Delima, Jalan Santong, Tanjung Hutang, Jalan Taman Indah dan Kampung Bukit Merah turut dinaiki air tetapi tiada penduduk dipindahkan setakat ini.

Katanya, banjir di kawasan itu disebabkan hujan berterusan sejak beberapa hari lalu serta air pasang laut yang masuk ke sungai. Dungun daerah kedua di negeri ini dilanda banjir selepas Kemaman dua hari lalu.



KANAK-KANAK berpesta bermain air banjir di Pengkalan Jambu, Rantau Panjang, semalam.



KAMPUNG Kedai Lama ditenggelami air 0.5 meter akibat limpahan Sungai Golok sejak kelmarin.